

13 JAN 1996

MAHATHIR: MALAYSIA BELUM DAPAT ADAKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL

SEPANG, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia masih belum dapat mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi negara Yahudi itu belum menyelesaikan masalahnya dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Syria.

Katanya, setakat ini kerajaan membenarkan hubungan perdagangan dengan Israel sebagai menyahut usaha negara Yahudi itu yang nampaknya sanggup memenuhi janjinya dengan Palestin.

"Kalau Palestin dan pihak lain boleh ... saya tak nampak kenapa kita tidak boleh beransur-ansur pulihkan semula hubungan dengan Israel," katanya kepada pemberita selepas melawat projek Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

Apabila ditanya adakah hubungan yang dimaksudkan itu hubungan diplomatik, Dr mahathir berkata: "Belum lagi, selagi dia tak selesaikan masalahnya dengan PLO dan Syria kita sukar sikit adakan hubungan diplomatik dengan Israel."

Pagi tadi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memberitahu sesi dialog dengan media bahawa Kabinet telah membenarkan hubungan perdagangan dengan Israel. -- Bernama.